Pendakwa Raya lwn Vishnu Subramaniam a/l Sivalingam dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — PERBICARAAN JENAYAH NO BA-45A–77–08 TAHUN 2019 DAN BA-45–28–08 TAHUN 2019
MOHD YAZID H
19 FEBRUARI 2021

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Pengedaran — Tertuduh dituduh memperedarkan dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan menjalankan aktiviti pengedaran dadah berbahaya di bawah s 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988 — Sama ada elemen pertuduhan dibuktikan pihak pendakwaan — Sama ada pihak pendakwaan membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh

Pada 21 Februari 2019, SP5 bersama anggota pasukannya telah membuat pemerhatian ke atas sebuah rumah setelah menerima maklumat berkaitan dengan aktiviti pemprosesan dadah berbahaya di rumah tersebut. Sebaik sahaja SP5 dan pasukannya masuk ke dalam rumah tersebut, SP5 mendapati dua lelaki India yang kemudiannya dicamkan sebagai OKT1 dan OKT2 bersama seorang perempuan yang kemudiannya dicamkan sebagai OKT3 berada di ruang tamu rumah. Tangkapan juga dibuat terhadap empat orang lelaki India yang kemudiannya dicamkan sebagai OKT4, OKT5, OKT6 dan OKT7 di kawasan belakang luar rumah kerana cuba melarikan diri. Selain itu, tangkapan ke atas dua lelaki India yang kemudiannya dicamkan sebagai OKT8 dan OKT9 di dalam bilik pertama di tingkat atas rumah juga dibuat. Di atas lantai bilik ketiga tingkat atas, barang-barang kes telah ditemui. Barang kes telah dihantar ahli kimia ('SP8') untuk analisa dan pemeriksaan. Hasil analisa dan pemeriksaan, SP8 mendapati barang kes yang dihantar adalah dadah berbahaya seberat 639.9g (584.5g heroin dan 55.4g monoacetylmorphine) dan dadah berbahaya seberat 1,187.8g cannabis. Kesemua OKT dituduh atas dua kesalahan memperedarkan dadah berbahaya ('pertuduhan pertama' dan 'pertuduhan kedua'). Kesemua OKT juga dituduh atas kesalahan menjalankan aktiviti pengedaran dadah berbahaya di rumah tempat kejadian ('pertuduhan ketiga'). Sebelum perbicaraan timbalan pendakwa raya telah menarik balik kesemua pertuduhan ke atas OKT3. OKT3 telah dilepas dan dibebaskan ke atas kesemua pertuduhan. Semasa menunggu perbicaraan, OKT5 telah meninggal dunia.

Held, melepas dan membebaskan tertuduh:

(1) Che Wan Najmudin dan Nurul Dalilah adalah orang yang membantu SP8 dalam mengendalikan kerja-kerja analisis dan pemeriksaan ke atas

dadah-dadah tersebut. Kegagalan memanggil dan mengemukakan kedua-dua mereka sebagai saksi pihak pendakwaan tidak mewajarkan s 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai kerana tidak wujudnya *suppression of evidence* di pihak pendakwaan. Adalah tidak salah untuk pembantu SP8 membantu SP8 dalam menjalankan kerja-kerja analisa dan pemeriksaan ke atas barang kes. Identiti barang-barang kes, iaitu jenis-jenis dadah yang dirampas di tempat kejadian adalah sama dengan jenis-jenis dadah yang diperiksa oleh ahli kimia dan yang dikemukakan di mahkamah. Oleh itu, elemen pertama pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua, telah dapat dibuktikan oleh pihak pendakwaan (lihat perenggan 26–27 & 29–30).

(2) Pintu bilik ketiga adalah berkunci pada hari serbuan dan pintu itu dapat dibuka selepas SP5 dan anggotanya secara agresif menendang yang menyebabkan pintu itu pecah dan terbuka. Walaupun OKT5 dan OKT6 adalah penyewa rumah tersebut, pihak pendakwaan gagal mengemukakan keterangan siapakah yang sebenarnya tinggal, menetap dan menyewa di bilik ketiga tingkat atas rumah tersebut sebelum atau pada masa yang material semasa serbuan itu dibuat. Pegawai penyiasat tidak membuat sebarang siasatan lanjut ke atas lelaki warganegara India yang dikatakan pada masa yang material itu adalah penyewa bilik ketiga tingkat atas dengan kadar RM400 sebulan, bagi mengenepikan penglibatan lelaki tersebut ke atas dadah yang dijumpai dalam bilik tersebut. Kegagalan memanggil/mengemukakan OKT3 sebagai saksi, didapati adanya kelompongan dalam kes pendakwaan. Pihak pendakwaan telah gagal membuktikan bahawa kesemua OKT mempunyai kawalan dan jagaan ke atas dadah-dadah yang ditemui di dalam bilik ketiga di tingkat atas tersebut. Oleh itu elemen pengetahuan juga telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Elemen kedua pertuduhan telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan (lihat perenggan 42, 52, 56–57 & 59–61).

(3) Anggapan pengedaran di bawah s 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 tidak boleh dibangkitkan ke atas OKT. Pihak pendakwaan tidak boleh bergantung kepada pengedaran langsung (direct trafficking) sebagaimana takrifan s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952. Elemen ketiga pertuduhan telah juga gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan (lihat perenggan 62–64).

(4) Tidak ada keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan bagi pertuduhan ketiga. Pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie terhadap kesemua OKT sebagaimana pertuduhan pertama, kedua dan ketiga (lihat perenggan 65–66).

[English summary

On 21 February 2019, SP5 with his team members carried out surveillance on a house after receiving information related to dangerous drug processing activities in the house. As soon as SP5 and his team entered the house, SP5 found two Indian men later identified as OKT1 and OKT2 along with a woman later identified as OKT3 in the living room of the house. Arrests were also made against four Indian men who were later identified as OKT4, OKT5, OKT6 and OKT7 in the backyard outside the house for trying to escape. In addition, arrests on two Indian men who were later identified as OKT8 and OKT9 in the first room on the top floor of the house were also made. On the floor of the third room upstairs, case items were found. The case items were sent to a chemist ('SP8') for analysis and examination. As a result of analysis and examination, SP8 found that the case items sent were dangerous drugs weighing 639.9g (584.5g heroin and 55.4g monoacetylmorphine) and dangerous drugs weighing 1,187.8g cannabis. All OKTs were charged with two offences of trafficking dangerous drugs ('the first charge' and 'the second charge'). All OKTs were also charged with carrying out dangerous drug trafficking activities at the house of the scene ('the third charge'). Prior to the trial the deputy public prosecutor had withdrawn all charges against OKT3. OKT3 was acquitted and acquitted on all charges. While awaiting trial, OKT5 passed away.

Diputuskan, acquitting and discharging the accused:

(1) Che Wan Najmudin and Nurul Dalilah were the people who assisted SP8 in conducting the analysis and examination work on the drugs. The failure to call and produce both of them as prosecution witnesses did not justify s 114(g) of the Evidence Act 1950 to apply as there was no suppression of evidence on the part of the prosecution. It was not wrong for SP8's assistant to assist SP8 in carrying out analysis and inspection work on case items. The identity of the case items, ie the types of drugs seized at the scene were the same as the types of drugs examined by the chemist and those presented in court. Thus, the first elements of the first charge and the second charge, had been able to be proved by the prosecution (see paras 26–27 & 29–30).

(2) The door of the third room was locked on the day of the raid and the door could be opened after SP5 and its members aggressively kicked causing the door to break and open. Although OKT5 and OKT6 were the tenants of the house, the prosecution failed to provide evidence of who actually lived, settled and rented in the third room upstairs of the house before or at the material time during the raid. Investigating officer did not make any further investigation on the Indian man who was said at the material time to be the tenant of the third room upstairs at a rate of RM400 a month, to rule out the man's involvement in drugs found in the

room. Failure to call/present OKT3 as a witness, it was found that there was a gap in the prosecution case. The prosecution had failed to prove that all OKTs had control and custody over the drugs found in the third room upstairs. Thus the element of knowledge had also failed to be proved by the prosecution. The second element of the charge had failed to be proved by the prosecution (see paras 42, 52, 56–57 & 59–61).

(3) The presumption of trafficking under s 37(da) of the Dangerous Drugs Act 1952 shall not be raised on the OKT. The prosecution could not rely on direct trafficking as defined in s 2 of the Dangerous Drugs Act 1952. The third element of the charge had also failed to be proved by the prosecution (see paras 62–64).

(4) There was no evidence adduced by the prosecution for the third charge. The prosecution had failed to prove a prima facie case against all OKTs as per the first, second and third charges (see paras 65–66).]

Kes-kes yang dirujuk

Alma Nudo Atenza v PP and another appeal [2019] 4 MLJ 1; [2019] 5 CLJ 780, MP (dirujuk)
Azizan bin Yahaya v PP [2013] 1 MLJ 180; [2012] 8 CLJ 407, MR (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)
Leow Nghee Lim v Reg [1956] 1 MLJ 28 (dirujuk)
Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734, MR (dirujuk)
Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492; [1987] CLJ Rep 221, MA (dirujuk)
PP v Abuchi Ben James and another appeal [2015] MLJU 2186; [2015] 8 CLJ 1011, MR (dirujuk)
PP v Chia Leong Foo [2000] 6 MLJ 705, MT (dirujuk)
PP v Kasmin bin Soeb [1974] 1 MLJ 230 (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MP (dirujuk)
Tai Chai Keh v PP [1948–1949] Supp MLJ 105b, MR (dirujuk)
Teoh Hoe Chye v PP; Yeap Teong Tean v PP [1987] 1 MLJ 220; [1987] 1 CLJ 471, MA (dirujuk)
Vigneswaran a/l Rajamanikam v PP and another appeal [2019] 1 MLJ 655; [2018] 9 CLJ 730, MR (dirujuk)
Yusri bin Pialmi v PP [2011] 4 MLJ 533; [2010] 6 CLJ 878, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 3(1), 37(da), 37B(1)(b)
Akta Keterangan 1950 ss 32(1), 114(g)
Kanun Keseksaan s 34
Kanun Tatacara Jenayah s 180(1)

Mahadhir (Timbalan Pendakwa Raya, Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor) bagi pihak pendakwaan.
Maniam (Devika dan Fatin bersamanya) (Maniam Nair & Co) bagi pihak tertuduh pertama, ketiga, keempat dan ketujuh.
Sheelan (Ryshina bersamanya) (Sheelan Arjunan & Co) bagi pihak tertuduh kedua, kelima, keenam, kelapan dan kesembilan.

Mohd Yazid H:

[1] Kesemua OKT dalam kes ini dituduh atas dua kesalahan memperedarkan dadah berbahaya sebagaimana berikut:

Pertuduhan Pertama:

Bahawa kamu bersama-sama pada 21.2.2019 jam lebih kurang 12.00 tengah hari bertempat di rumah beralamat No 56 Jalan Setia Indah U13/13K Setia Alam 40170 Shah Alam di Dalam Daerah Petaling Dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah didapati mengedar dadah berbahaya seberat 639.9 gram (584.5 gram heroin dan 55.4 gram Monoacetylmorphine) dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 398(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan di dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Kedua:

Bahawa kamu bersama-sama pada 21.2.2019 jam lebih kurang 12.00 tengah hari bertempat di rumah beralamat No 56 Jalan Setia Indah U13/13K Setia Alam 40170 Shah Alam di Dalam Daerah Petaling Dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah didapati mengedar dadah berbahaya seberat 1187.8 gram Cannabis dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan di dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[2] Kesemua OKT juga dituduh atas kesalahan menjalankan aktiviti pengedaran dadah berbahaya di rumah tempat kejadian dan pertuduhan dibaca sebagaimana berikut:

Bahawa kamu bersama-sama pada 21.2.2019 jam lebih kurang 12.00 tengah hari bertempat di rumah beralamat No 56 Jalan Setia Indah U13/13K Setia Alam 40170 Shah Alam di Dalam Daerah Petaling Dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah menggunakan sebuah rumah beralamat No 56 Jalan Setia Indah U13/13K Setia Alam 40170 Shah Alam di Dalam Daerah Petaling Dalam Negeri Selangor Daru/ Ehsan didapati menjalankan aktiviti pengedaran dadah berbahaya iaitu kesalahan di bawah jadual pertama Akta Dadah Berbahaya (Pelucutan Harta 1988). Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Pelucutan Harta 1988) dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksan.

[3] Sebelum perbicaraan timbalan pendakwa raya telah menarik balik

kesemua pertuduhan ke atas OKT3 (*Ity Amah a/p Gengamuthu*). OKT3 telah dilepas dan dibebaskan ke atas kesemua pertuduhan.

[4] Semasa menunggu perbicaraan, OKT5 (*Mugilarasu a/l Verapan*) telah meninggal dunia.

FAKTA KES

[5] Pada 21 Februari 2019 jam lebih kurang 8 pagi, semasa ASP Mohd ldzahar bin Mohamed ('SP5') berada di pejabat, SP5 telah menerima satu panggilan telefon daripada orang awam memberi maklumat berkaitan dengan aktiviti pemprosesan dadah berbahaya di rumah beralamat No 56 Jalan Setia Indah U13/13K Setia Alam, 40170 Shah Alam. Walau bagaimanapun individu tersebut enggan memperkenalkan diri.

[6] SP5 telah memaklumkan perkara ini kepada pegawai turus dan pegawai turus telah memberi kebenaran kepada SP5 untuk melancarkan operasi.

[7] Pada jam lebih kurang 9 pagi, SP5 telah membentuk satu pasukan serbuan dan memberikan taklimat berkenaan dengan maklumat dan serbuan yang akan dirancangkan. Pasukan 'A' terdiri dari SP5, D/Kpl 143121 Fairol, D/Kpl 169072 Shazali dengan arahan pasukan 'A' untuk membuat serbuan melalui hadapan rumah. Pasukan 'B' terdiri daripada D/Sjn 125586 Yatim, D/Kpl 151890 Nasrul dan D/Kpl 169394 lzham, dengan arahan pasukan 'B' untuk membantu pasukan 'A' membuat serbuan dari sebelah hadapan rumah. Pasukan 'C' terdiri daripada D/Sjn 140527 BaDoktori, L/Kpl 184090 Soffian, Konst 204115 Micheal dan Konst 204204 Khusairi, dengan arahan pasukan 'C' ini mengawasi bahagian belakang rumah.

[8] SP5 bersama anggota pasukannya telah bertolak dari pejabat pada jam 10.45 pagi. Pada jam lebih kurang 12 tengah hari, SP5 bersama pasukannya telah tiba di kawasan sasaran di rumah No 56 Jalan Setia Indah U13/13K Setia Alam 40170 Shah Alam. SP5 telah membuat pemerhatian di bahagian hadapan dan persekitaran rumah tersebut. Hasil pemerhatian dan pemantauan SP5 mendapati keadaan pintu pagar rumah tersebut dalam keadaan bertutup tetapi SP5 tidak dapat memastikan sama ada ianya berkunci atau tidak.

[9] SP5 bersama pasukan 'A' telah bertindak dengan memanjat pintu pagar rumah tersebut. SP5 bersama anggota pasukan 'A' terus masuk ke dalam rumah tersebut. Pada ketika itu SP5 mendapati pintu grill serta pintu kayu rumah tersebut tidak berkunci. Sebaik sahaja SP5 dan pasukannya masuk ke dalam rumah tersebut, SP5 mendapati dua lelaki India yang kemudiannya dicamkan

sebagai OKT1 dan OKT2 bersama seorang perempuan yang kemudiannya dicamkan sebagai OKT3 berada di ruang tamu rumah dan sedang menonton TV.

[10] Sejurus selepas SP5 dan pasukannya masuk ke dalam rumah, SP5 telah dimaklumkan oleh ketua pasukan 'B' iaitu D/Sjn 140527 BaDoktori bersama pasukannya telah membuat tangkapan terhadap empat orang lelaki India yang kemudiannya dicamkan sebagai OKT4, OKT5, OKT6 dan OKT7 di kawasan belakang luar rumah kerana cuba melarikan diri dan terdapat sedikit pergelutan sebelum keempat-empat OKT ditangkap.

[11] Selepas pasukan 'A' masuk ke dalam rumah tersebut, D/Kpl Shazali terus naik ke tingkat atas rumah tersebut dan telah membuat tangkapan ke atas dua lelaki India yang kemudiannya dicamkan sebagai OKT8 dan OKT9 di dalam bilik pertama di tingkat atas rumah. D/Kpl Shazali telah membawa kedua-dua OKT turun ke tingkat bawah.

[12] Kesemua OKT telah dikumpul di bahagian ruang tamu. SP5 menyatakan beliau kemudiannya telah membacakan kata-kata amaran di bawah s 37B(1)(b) ADB 1952 dalam Bahasa Malaysia yang mudah difahami serta menerangkan maksud peruntukkan seksyen tersebut kepada kesemua OKT dalam bahasa yang mudah, walau bagaimanapun, kesemua OKT hanya mendiamkan diri sahaja.

[13] Selepas itu SP5 bersama anggota pasukan dan kesemua OKT telah dibawa naik ke tingkat atas. Di atas lantai bilik ketiga tingkat atas, SP5 telah menemui barang-barang iaitu:

(a) satu beg berwarna biru bertulis 'YAMAGIWA' dan hasil pemeriksaan di dalam beg tersebut saya menjumpai 14 plastik lutsinar dan di dalam setiap peket plastik mengandungi serbuk-serbuk dan ketulan yang disyaki dadah berbahaya jenis heroin (anggaran berat keseluruhan 6,080g) dan tiga ketulan mampat berbalut plastik lutsinar di dalamnya mengandungi dadah berbahaya disyaki ganja (anggaran berat keseluruhan/250g);

(b) satu kotak mainan tertulis 'ENGINEERING TRUCK' dan di dalamnya mengandungi tujuh plastik lutsinar dan di dalam setiap plastik lutsinar tersebut mengandungi serbuk-serbuk dan ketulan yang disyaki dadah berbahaya jenis heroin (anggaran berat keseluruhan 780g);

(c) satu besen plastik berwarna biru dan di dalamnya mengandungi serbuk disyaki dadah jenis heroin (anggaran berat 750g) dan di atas besen tersebut terdapat satu penapis besi dan satu sudip kayu;

(d) satu penyambung wayar elektrik;

(e) satu alat sealer jenama 'MINUTE';

(f) satu plastik putih di dalamnya mengandungi dua botol kaca bertulis 'ENO FRUIT SALT', tiga botol kaca berwarna coklat dan satu botol kaca berwarna hijau epal;

(g) satu penimbang digital jenama 'Canary';

(h) satu dapur gas jenama 'Golden Fuji';

(i) satu kuali besi;

(j) satu mesin pengisar jenama 'Panasonic';

(k) satu alat pengering rambut 'Comell';

(l) satu senduk aluminium;

(m) satu senduk plastik berwarna biru;

(n) satu botol plastik lutsinar berpenutup hitam bertulis 'Chemar' di dalamnya mengandungi cecair disayaki bahan kimia;

(o) satu berus berwarna biru;

(p) dua tin gas 'cartridge';

(q) satu plastik lutsinar di dalamnya mengandungi serbuk perang disyaki dadah berbahaya jenis bahan kimia (anggaran berat: 4,000g);

(r) satu botol kaca berpenutup hitam bertulis 'CLOROFORM' 2.5ml di dalamnya mengandungi cecair bahan kimia;

(s) satu botol kaca berpenutup hitam di dalamnya mengandungi cecair disyaki bahan kimia; dan

(t) satu plastik lutsinar di dalamnya mengandungi serbuk wama putih disyaki dadah berbahaya jenis bahan kimia (anggaran berat: 24,100g)

[14] SP5 dalam keterangannya menyatakan beliau mendapati pintu bilik ketiga tingkat atas tidak berkunci dan dalam keadaan terbuka sedikit dan tidak bertutup rapat. SP5 memeriksa pintu bilik itu dan mendapati tombol pintu bilik ketiga telah rosak dan pecah.

[15] Di bahagian ruang tamu tingkat bawah rumah tersebut, SP5 juga merampas satu perjanjian sewa rumah (*tenancy agreement*) atas nama Jaya Prathaban a/l Verapan ('OKT6') dan satu rangkai anak kunci mengandungi enam batang anak kunci.

[16] Di rumah tersebut SP5 telah membuat ujian acupakai kunci pada rumah tersebut dan SP5 mendapati kunci tersebut sememangnya boleh digunakan untuk rumah tersebut.

[17] SP5 telah membawa kesemua OKT dan barang kes balik ke JSJN IPO Shah Alam. Apabila sampai di JSJN IPO Shah Alam, SP5 membuat pemeriksaan semula dan penandaan ke atas kesemua barang kes.

[18] SP5 kemudiannya menyerahkan kesemua OKT dan barang-barang kes kepada Pegawai Penyiasat ASP Nasrul Yamani bin Mohd Yusof ('SP10').

[19] D/SM Mat Yatim bin Ali ('SP7') adalah pegawai serbuan yang naik ke tingkat atas sebaik sahaja memasuki ke dalam rumah tersebut. SP7 menyatakan beliau naik ke tingkat atas bersama dengan D/Kpl Sazali. Apabila sampai di tingkat atas, SP7 mendapati terdapat dua lelaki India sedang berehat sambil bermain telefon bimbit di dalam bilik pertama tingkat atas. SP7 telah menangkap kedua-dua lelaki tersebut, sebagaimana yang dicamkan iaitu OKT8 dan OKT9 dan memaklumkan tangkapan ini kepada SP5. SP5 telah mengarahkan SP7 turun ke tingkat bawah dengan membawa OKT8 dan OKT9 dan mengumpulkan mereka di ruang tamu bersama-sama tangkapan yang lain. SP7 juga menyatakan beliau kemudiannya bersama dengan D/Kpl Sazali telah membawa OKT8 dan OKT9 naik ke tingkat atas.

[20] SP10 menyatakan pada 22 Februari 2019 beliau telah pergi ke tempat kejadian bersama-sama dengan kesemua OKT. Dengan menggunakan serangkai kunci dan enam batang anak kunci, SP10 telah memasuki rumah tersebut. Di dalam rumah tersebut SP10 telah merampas barang-barang di bilik pertama tingkat bawah, di bilik air tingkat bawah, di bilik utama tingkat atas, bilik air tingkat atas, bilik No 2 tingkat atas, bilik air No 2 tingkat atas dan di dalam bilik No 3, SP10 turut merampas sebatang berus gigi jenama colgate berwarna hitam pink. Beliau juga telah melawat rumah bersebelahan No 54 Jalan Setia Indah U13/13K Setia Alam, 40170 Shah Alam, Selangor.

[21] Pada 25 Februari 2019, barang kes telah dihantar oleh SP10 kepada ahli kimia, Dr Vanitha a/p Kunalan ('SP8') untuk analisa dan pemeriksaan. Hasil analisa dan pemeriksaan, SP8 mendapati barang kes yang dihantar adalah dadah berbahaya seberat 639.9g (584.5g heroin dan 55.4g monoacetylmorphine) dan dadah berbahaya seberat 1,187.8g cannabis.

BEBAN PEMBUKTIAN

[22] Adalah menjadi prinsip umum bahawa di dalam sesuatu pendakwaan kes jenayah, beban pembuktian terletak di bahu pihak pendakwaan sepanjang

masa. Pada peringkat kes pendakwaan, tahap pembuktian yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan ialah pada peringkat prima facie sebagai mana yang termaktub dalam s 180(1) Kanun Tatacara Jenayah. Di akhir kes pihak pendakwaan, mahkamah mempunyai tugas untuk melihat dan menimbang segala keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan sepanjang pembicaraan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan terdapatnya suatu kes prima facie terhadap tertuduh sebagai mana pertuduhan (rujuk kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85).

ELEMEN PERTUDUHAN

[23] Elemen-elemen pertuduhan yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah seperti berikut:

(a) dadah-dadah adalah jenis heroin, monoacetylmorphine dan cannabis;

(b) OKT-OKT mempunyai pemilikan terhadap dadah-dadah tersebut; dan

(c) pengedaran.

Isu pertama

[24] Peguam OKT1, OKT4 dan OKT7 menghujahkan bahawa ahli kimia telah gagal menjalankan analisis yang lengkap dan sempurna terhadap dadah-dadah yang dianalisiskan kerana analisis keputusan dan kiraan bukannya datang dari ahli kimia sepenuhnya tetapi bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh Che Wan Najmudin dan Cik Nurul Dalilah.

[25] Peguam menghujahkan bahawa Che Wan Najmudin dan Cik Nurul Dalilah perlu dipanggil sebagai saksi untuk memberi keterangan atau sekurang-kurangnya ditawarkan kepada pembelaan. Oleh kerana pihak pembelaan tidak diberi peluang untuk menyoal Che Wan Najmudin dan Cik Nurul Dalilah, s 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai (peguam bersandarkan kepada kes *Public Prosecutor v Abuchi Ben James and another appeal* [2015] MLJU 2186; [2015] 8 CLJ 1011).

[26] Saya telah meneliti keterangan SPS dan saya mendapati kedua penama iaitu Che Wan Najmudin dan Cik Nurul Dalilah adalah orang yang membantu SPS dalam mengendalikan kerja-kerja analisis dan pemeriksaan ke atas dadah-dadah tersebut. Kegagalan memanggil dan mengemukakan kedua-dua mereka sebagai saksi pihak pendakwaan tidak mewajarkan s 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai kerana tidak wujudnya *suppression of evidence* di pihak pendakwaan.

[27] Undang-undang adalah mantap, mahkamah hendaklah menerima keterangan ahli kimia, 'on face value unless it is inherently incredible or the defence calls evidence in rebuttal by another expert to contradict the opinion' (rujuk kes *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492; [1987] CLJ Rep 221). Oleh itu di dalam menjalankan tugasnya, mahkamah mendapati adalah tidak salah untuk pembantu SPS membantu SPS dalam menjalankan kerja-kerja analisa dan pemeriksaan ke atas barang kes.

[28] Atas isu yang sama ini, peguam OKT1, OKT4 dan OKT7 juga menghujahkan bahawa tiada keterangan yang menunjukkan pergerakan barang-barang kes semasa dianalisa di antara tarikh 13 Mac 2019 sehingga 3 April 2019 dan di antara tarikh 13 Mac 2019 sehingga 19 April 2019. Ekoran itu peguam menghujahkan wujudnya kelompongan dalam keterangan kerana tiada bukti yang menunjukkan dimanakah barang-barang kes telah disimpan semasa ujian dijalankan (kes-kes *Teoh Hoe Chye v Public Prosecutor; Yeap Teong Tean v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 220; [1987] 1 CLJ 471 dan *Yusri bin Pialmi v Public Prosecutor* [2011] 4 MLJ 533; [2010] 6 CLJ 878 dirujuk).

[29] Saya telah meneliti keterangan ke atas identiti dan pergerakan barang-barang kes. Saya mendapati identiti barang-barang kes, iaitu jenis-jenis dadah yang dirampas di tempat kejadian adalah sama dengan jenis-jenis dadah yang diperiksa oleh ahli kimia dan yang dikemukakan di mahkamah.

[30] Berasaskan alasan-alasan di atas, saya mendapati elemen pertama pertuduhan 1 dan pertuduhan 2, telah dapat dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

Elemen kedua

[31] Fakta menunjukkan dadah-dadah tersebut telah ditemui dan dirampas dari bilik ketiga di tingkat atas.

[32] Dalam memutuskan isu elemen pemilikkan, isu pertama ialah sama ada bilik ketiga tersebut berkunci semasa serbuan dijalankan oleh SP5 dan anggotanya?

[33] Saya mendapati keterangan-keterangan berikut adalah penting untuk dipertimbangkan bagi memutuskan isu pertama ini.

[34] SP5 ('ketua serbuan') dalam pemeriksaan utama menyatakan beliau telah membuat pemeriksaan ke atas pintu bilik ketiga tingkat atas rumah tersebut dan hasil pemeriksaan SP5 mendapati bilik itu tidak berkunci, dalam keadaan terbuka sedikit dan tidak bertutup rapat (rujuk perenggan 21 penyataan saksi SP5).

[35] Dalam pemeriksaan balas, SP5 bersetuju dengan cadangan peguam bahawa berdasarkan gambar 37 dan 41, pintu bilik ketiga dan tombol tingkat atas adalah dalam keadaan tidak sempurna di mana tombol telah rosak dan pecah, hanya tombol bahagian dalam sahaja ada.

[36] Dalam pemeriksaan balas, SP5 seterusnya tidak bersetuju dengan cadangan peguam apabila beliau mendapati bilik tersebut tidak boleh dibuka kerana berkunci, SP5 ada bertanya kepada OKT6 di mana kunci bilik tersebut dan OKT6 menjawab dia tidak tahu dan selepas itu beliau dan anggotanya secara agresif telah menendang pintu tersebut yang menyebabkan pintu tersebut pecah dan terbuka di mana papan pintu sebelah tombol terkoyak.

[37] Walaupun isu pintu bilik ketiga tingkat atas terbuka atau tidak itu penting, namun begitu SP5 bersetuju dengan cadangan peguam bahawa fakta ini tidak masukkan di dalam laporan polisnya ('P6').

[38] Sebaliknya SP7 dalam pemeriksaan utama langsung tidak menyatakan tentang kedudukan bilik ketiga tingkat atas, sama ada ianya terbuka atau tidak, walhal SP7 adalah anggota yang mula-mula naik ke tingkat atas.

[39] Seterusnya semasa pemeriksaan balas SP7 menyatakan bahawa beliau tidak pasti berapa bilik di tingkat atas yang berkunci dan berapa bilik yang tidak berkunci. SP7 tidak mengingati bagaimana bilik kedua dan bilik ketiga tingkat atas dibuka oleh SP5 atau anggota lain sebelum pemeriksaan dijalankan. Namun begitu, SP7 bersetuju dengan cadangan peguam bahawa beliau boleh lihat apa yang berlaku semasa SP5 menjalankan pemeriksaan di tingkat atas.

[40] SP7 seterusnya dalam pemeriksaan balas menyatakan beliau tidak pasti sama ada bilik ketiga tingkat atas berkunci atau tidak berkunci. SP7 juga menyatakan bahawa beliau tidak ingat sama ada salah satu bilik di tingkat atas tidak boleh dibuka. SP7 juga tidak pasti oleh kerana tidak ada sesiapa yang ada kunci pada bilik, khususnya bilik ketiga, terpaksalah pihak polis pecahkan pintu bilik itu dan tendangkan pintu bilik itu. SP7 seterusnya juga menyatakan bahawa beliau tidak ingat sama ada bilik ketiga tingkat atas telah dipecahkan melalui tendangan secara agresif.

[41] Walau bagaimanapun SP7 bersetuju dengan cadangan peguam apabila bilik itu dibuka barulah barang-barang diperiksa dan diambil daripada bilik itu sebagaimana keterangannya (rujuk nota keterangan ms 258):

> S: Saya katakan dan cadangkan, oleh kerana En Yatim berada disana, bilik ketiga itu tidak dapat dibuka dan atas arahan Tuan ldzahar salah satu anggota, tendang pintu itu, pintu itu dapat buka. Lepas tendang, pintu itu pecah, saya akan tunjukkan gambar ini berlaku, setuju atau tidak?

J: Saya tidak ingat Yang Arif

S: Ini suatu yang agresif bukan?

J: Ya

S: Dan lepas pintu itu dibuka secara itu, barulah barang-barang diperiksa dan diambil daripada bilik itu, setuju?

J: Setuju Yang Arif

S: Dan apa barang-barang awak tidak terlibat, pegawai awak dan lain-lain anggota yang terlibat?

J: Betul Yang Arif

S: Dan satu lagi bilik itu tidak berkunci dan tidak ada apa barang salah di dalam bilik itu.

J: Betul Yang Arif

S: Dan lepas pintu itu dibuka secara itu, barulah barang-barang diperiksa dan diambil daripada bilik itu, setuju.

J: Setuju Yang Arif

[42] Menghalusi dan meneliti keterangan SP5, terutamanya jawapan ke atas soalan-soalan di atas, saya mendapati pintu bilik ketiga adalah berkunci pada hari serbuan dan pintu itu dapat dibuka selepas SP5 dan anggotanya secara agresif menendang yang menyebabkan pintu itu pecah dan terbuka.

[43] Saya mendapati dapatan fakta bahawa bilik ketiga semasa serbuan adalah berkunci seterusnya disokong oleh keterangan berikut. Sarjan Zaidan bin Othman (SP4 — jurugambar) menyatakan beliau telah pergi ke tempat kejadian pada 22 Februari 2019 bersama dengan pegawai penyiasat. Semasa beliau mengambil gambar pintu bilik ketiga, beliau mendapati pintu tersebut ada lubang. Melalui mata kasarnya SP4 mendapati terdapat dua lubang, di mana lubang tombol di penjuru kanan sudah tidak ada, manakala lubang tombol di sebelah kiri telah pecah secara kasar dan bukannya secara halus. SP4 juga bersetuju dengan cadangan peguam bahawa bahagian pecah yang rosak sedikit ini, ianya seolah-olah seperti di tendang secara bujur dengan menggunakan kaki.

[44] Dr Doktor Tajul Arifin bin Tajudin, tuan rumah ('SP1') menyatakan semasa beliau menyerahkan kunci kepada Puan Wong Foong Ping, agen rumah ('SP2'), memang setiap bilik memang ada kunci dan setiap pintu bilik mempunyai kunci yang berfungsi dengan baik. Keterangan SP1 ini disahkan oleh SP2.

[45] Pegawai pnyiasat ('SP10') bersetuju dengan cadangan peguam bahawa tidak ada kunci bilik ketiga yang dirampas. SP10 seterusnya bersetuju bahawa kunci bilik ketiga langsung tidak dirampas daripada mana-mana tertuduh pada hari mereka ditangkap.

[46] Undang-undang adalah mantap iaitu apabila wujudnya dua versi yang bertentangan, mahkamah hendaklah menerima keterangan yang memihak kepada pihak tertuduh (rujuk kes *Tai Chai Keh v Public Prosecutor* [1948–1949] Supp MLJ 105b; *Public Prosecutor v Kasmin bin Soeb* [1974] 1 MLJ 230 dan kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457).

[47] Apabila wujudnya dua versi yang berbeza, berasaskan prinsip yang digariskan dalam kes-kes yang dirujuk di perenggan 45, mahkamah hendaklah menerima keterangan yang memihak kepada pihak tertuduh. Berpandukan prinsip mantap ini, saya membuat dapatan fakta pada hari kejadian bilik ketiga tingkat atas adalah bertutup dan berkunci. Ekoran OKT6 gagal mengemukakan kunci bilik ketiga tingkat atas yang diminta oleh SP5, selepas itu SP5 dan anggotanya telah secara agresif menendang pintu bilik tersebut yang menyebabkan pintu bilik tersebut pecah bagi membolehkan SP5 dan anggotanya memasuki bilik ketiga untuk memeriksa dan merampas barang-barang kes sebagaimana yang disenaraikan di perenggan 13.

[48] Berasaskan dapatan fakta bahawa semasa serbuan bilik ketiga tingkat atas adalah tertutup dan berkunci, isu seterusnya yang perlu diputuskan sama ada kesemua tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan ke atas barang-barang kes dadah yang ditemui dalam bilik ketiga.

[49] Hakim Taylor J dalam *Leow Nghee Lim v Reg* [1956] 1 MLJ 28 mentakrifkan jagaan (*custody*) sebagaimana berikut:

> Custody means having care or guardianship; goods in custody are in the care of the custodian and, by necessary implication, he is taking care of them on behalf of someone else. You cannot take care of goods unless you know where they are and have the means of exercising control over them. Custody therefore implies knowledge of the existence and whereabouts of the goods and power of control over them, not amounting to possession.

[50] Bagi takrif kawalan (*control*) Hakim Taylor J telah memberi contoh seperti berikut.

> Control must be proved as a fact and it must arise from the relation of the person to the goods, irrespective of whether they are contraband. An example may make this clearer. Suppose that one of the assistants in this case smoked a particular brand of tobacco, not sold in the shop and, to the knowledge of the accused, kept it in that drawer. No doubt the accused could, at any time, tell the assistant to keep his

tobacco somewhere else. He could resume possession of drawer. But so long as he allowed the assistants to keep their small personal things in the drawer, the things were in their control, not his. He could not reasonably order them to throw away harmless tobacco, consistently with the existing arrangement. The argument for control is based solely on the contraband nature of the thing — not on the circumstances in which it was kept.

[51] Berasaskan definasi mantap tersebut, fakta-fakta berikut telah dipertimbangkan oleh mahkamah bagi memutuskan sama ada elemen kawalan dan jagaan telah dapat dibuktikan oleh pihak pendakwaan:

(a) kesemua dadah-dadah tersebut ditemui di dalam bilik ketiga yang mana pada masa serbuan, bilik ketiga ini adalah tertutup dan berkunci;

(b) tiada mana-mana OKT ditangkap berada dalam bilik ketiga tersebut;

(c) tiada barang-barang peribadi milik mana-mana OKT dijumpai di dalam bilik ketiga tersebut;

(d) serangkai kunci yang mempunyai enam anak kunci turut dirampas diruang tamu. Daripada enam rangkai kunci tersebut tidak ada kunci bilik ketiga;

(e) semasa ditangkap OKT1, OKT2 dan OKT3 sedang menonton televisyen (pertuduhan ke atas OKT3 telah ditarik balik);

(f) semasa ditangkap OKT4, OKT5, OKT6, dan OKT7 berada di bahagian luar rumah bahagian belakang;

(g) semasa ditangkap OKT8 dan OKT9 berada di bilik pertama tingkat atas sedang bermain dengan telefon;

(h) laporan DNA dari Jabatan Kimia Malaysia mengesahkan wujudnya DNA seorang lelaki yang tidak dikenal yang dilabel sebagai 'Male 1' yang menunjukkan ada orang lain lagi tinggal di rumah tersebut;

(i) tiada kesan cap jari ataupun keterangan profil DNA yang dapat menghubungkan OKT-OKT dengan dadah-dadah yang dirampas dari bilik ketiga tingkat atas tersebut; dan

(j) kesemua barang kes tersusun dengan rapi dan tidak adanya taburan serbuk-serbuk dadah atau cebisan cannabis dijumpai di atas lantai tempat barang-barang kes tersebut dirampas.

[52] SP2 dalam keterangan menyatakan beliau telah menyewakan rumah milik SP1 kepada OKT6 dan OKT5. Semasa serbuan OKT5 dan OKT6 ditangkap di luar kawasan rumah. Walaupun kedua-dua mereka ini adalah penyewa rumah tersebut, saya mendapati pihak pendakwaan masih gagal mengemukakan keterangan siapakah yang sebenarnya tinggal, menetap dan

menyewa di bilik tiga tingkat atas rumah tersebut sebelum/atau pada masa yang material semasa serbuan itu dibuat.

[53] Berasaskan laporan DNA, wujudnya DNA seorang lelaki yang tidak dikenal yang dilabel sebagai 'Male 1' yang menunjukkan adanya orang lain tinggal di rumah tersebut.

[54] Pada masa yang sama saya juga mendapati peguam telah mengemukakan notis *Alcontara* bahawa OKT5 (yang telah meninggal dunia) telah memberitahu SP5 bahawa bilik tersebut telah disewakan dengan kadar RM400 kepada seorang warganegara India dan kunci bilik tersebut adalah hanya dipegang oleh warganegara India tersebut. SP5 dalam pemeriksaan balas menjawab dia tidak pasti dengan cadangan peguam tersebut (rujuk ms 204 nota keterangan).

[55] Saya seterusnya mendapati berdasarkan laporan profil DNA ini, ianya adalah menjadi tugas pihak pendakwaan untuk mengetepikan akses pihak ketiga ke atas dadah-dadah yang ditemui dalam bilik tersebut (rujuk kes *Azizan bin Yahaya v Public Prosecutor* [2013] 1 MLJ 180; [2012] 8 CLJ 407).

[56] Tangkapan dalam kes ini dibuat berasaskan satu maklumat yang diterima oleh SP5 yang mana saya mendapati maklumat yang diberi adalah lengkap dan terperinchi, antara lain, rumah tersebut telah digunakan sebagai tempat memproses dadah. Saya mendapati pegawai penyiasat tidak membuat sebarang siasatan lanjut ke atas lelaki warganegara India yang dikatakan pada masa yang material itu adalah penyewa bilik ketiga tingkat atas dengan kadar RM400 sebulan, bagi mengetepikan penglibatan lelaki tersebut ke atas dadah yang dijumpai dalam bilik tersebut. Malah pegawai penyiasat langsung tidak meminta butiran lelaki warganegara India tersebut dari mana-mana OKT.

[57] Pada awalnya OKT3 telah dituduh bersama dengan lapan OKT yang lain bagi pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua, tetapi pihak pendakwaan telah menarik balik pertuduhan ke atas OKT3 ke atas pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua. OKT3 tidak dipanggil sebagai saksi dan rakaman percakapan OKT3 di bawah s 112 KTJ juga tidak dikemukakan dibawah s 32(1) Akta Keterangan. OKT3 juga tidak ditawarkan kepada pihak pembelaan. Tiada sebarang penjelasan secara bersumpah diberikan oleh mana-mana saksi terutamanya SP5 dan SP10 mengenai peranan OKT3 di rumah tersebut dan kenapa OKT3 telah dilepas dan dibebaskan. Juga tidak ada penjalasan kenapa OKT3 tidak dipanggil untuk memberi keterangan. Sekiranya OKT3 dipanggil untuk memberi keterangan OKT3, keterangan OKT3 akan membantu pihak pendakwaan untuk menentukan siapakah yang sebenarnya tinggal di rumah tersebut dan siapakah yang sebenarnya tinggal/menyewa bilik ketiga ditingkat atas rumah tersebut.

Kegagalan memanggil/mengemukakan OKT3 sebagai saksi, saya mendapati adanya kelompongan dalam kes pendakwaan (rujuk kes *Vigneswaran a/l Rajamanikam v Public Prosecutor and another appeal* [2019] 1 MLJ 655; [2018] 9 CLJ 730).

[58] Berasaskan fakta-fakta dan alasan-alasan di atas, timbalan pendakwa raya dalam hujahan bertulisnya menghujahkan kesemua OKT mempunyai kawalan dan pengetahuan (*knowledge*) tentang dadah berbahaya yang dijumpai tersimpan dalam bilik ketiga rumah tersebut memandangkan semasa serbuan kesemua OKT berada di dalam rumah tersebut lebih-lebih lagi OKT8 dan OKT9 yang berada di bahagian tingkat atas rumah tersebut (rujuk perenggan 32 hujahan bertulis).

[59] Setelah mempertimbangkan fakta-fakta dan alasan-alasan yang dinyatakan di atas serta berpandukan kepada takrifan jagaan dan kawalan sebagaimana yang diputuskan dalam kes-kes di atas, saya mendapati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan bahawa kesemua OKT mempunyai kawalan dan jagaan ke atas dadah-dadah yang ditemui di dalam bilik ketiga di tingkat atas tersebut.

[60] Ekoran pihak pendakwaan gagal membuktikan kesemua OKT mempunyai jagaan dan kawalan ke atas dadah yang ditemui dalam beg tersebut, oleh itu elemen pengetahuan juga telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

[61] Berasaskan alasan-alasan di atas, saya memutuskan elemen kedua pertuduhan telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

PENGEDARAN

[62] Memandangkan pihak pendakwaan telah gagal membuktikan elemen kawalan dan jagaan, maka anggapan pengedaran di bawah s 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 tidak boleh dibangkitkan ke atas OKT-OKT (rujuk kes *Alma Nudo Atenza v Public Prosecutor and another appeal* [2019] 4 MLJ 1; [2019] 5 CLJ 780).

[63] Pada masa yang sama, berasaskan alasan-alasan di atas, saya mendapati pihak pendakwaan tidak boleh bergantung kepada pengedaran langsung (*direct trafficking*) sebagaimana takrifan s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 (rujuk kes *Public Prosecutor v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705).

[64] Berasaskan alasan-alasan di atas, saya juga memutuskan elemen ketiga pertuduhan telah juga gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

Pertuduhan ketiga

[65] Saksi pendakwaan mengakui tidak adanya keterangan bahawa rumah tersebut telah digunakan untuk aktiviti pengedaran dadah. Berdasarkan keterangan ini sahaja sudah mewajarkan mahkamah untuk membuat dapatan bahawa tidak ada keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan bagi pertuduhan ketiga.

[66] Setelah membuat penganalisaian maksima ke atas keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, saya mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie terhadap kesemua OKT sebagaimana pertuduhan pertama, kedua dan ketiga. Oleh itu kesemua OKT-OKT dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan pertama, kedua dan ketiga di akhir kes pihak pendakwaan tanpa dipanggil untuk membela diri (rujuk kes *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734)

Tertuduh dilepas dan dibebaskan.

Reported by Nabilah Syahida Abdullah Salleh